

15 JUN 1999

MALAYSIA-GOLDMAN SACHS

PERTUMBUHAN LEBIH 3 PERATUS BAGI MALAYSIA DALAM SEPARUH KEDUA, KATA  
GOLDMAN SACHS

SINGAPURA, 15 Jun (Bernama) -- Bank pelaburan Amerika Goldman Sachs meramalkan bahawa Malaysia akan melonjak dengan lebih daripada 3 peratus pertumbuhan dalam separuh kedua tahun ini, disebabkan kemajuan kewangan yang kukuh negara itu.

Katanya perangkaan pada April telah menunjukkan bahawa peningkatan berterusan di dalam data kewangan Malaysia, pertumbuhan bekalan wang (M3) yang kukuh, rizab antarabangsa yang lebih tinggi dan kemajuan seterusnya di dalam jualan pinjaman tidak berbayar (NPL) dan permodalan semula bank.

"Data kewangan terbaru seharusnya membantu menggerakkan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) lebih kukuh ketika tahun berlalu. Kami melihat pertumbuhan lebih tiga peratus pada tahun ke tahun dalam separuh kedua 1999," kata Goldman Sachs di dalam analisis ekonomi Asianya pada 1 Jun.

Ia menjangka pertumbuhan suku pertama Malaysia akan menguncup 1.5 peratus dari -2.8 peratus tahun lalu.

"Seorang pegawai kanan Bank Negara Malaysia berkata bahawa pertumbuhan KDNK dalam suku pertama akan lebih baik daripada yang dilihat dalam suku pertama 1998 (-2.8 peratus), satu ulasan yang sejajar dengan pandangan kami bahawa KDNK suku pertama 1999 akan menunjukkan penguncupan tahun ke tahun sebanyak 1.5 peratus," kata Goldman Sachs.

Malaysia akan menerbitkan keputusan suku pertamanya minggu depan. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata ekonomi dijangka menguncup 1.5 peratus bagi tempoh berkenaan.

Pandangan yang cergas Goldman Sachs itu bersetuju dengan jangkaan rasmi dan jangkaan penganalisis-penganalisis lain bahawa pertumbuhan akan meningkat dalam separuh kedua ketika Malaysia mengeluarkan dirinya daripada kelemesetan ekonomi.

Katanya pertumbuhan M3, yang meningkat 5.7 peratus pada tahun ke tahun pada April berikutan aset asing bersih yang lebih tinggi, berkemungkinan akan berterusan ke dalam pertengahan Mei dengan rizab antarabangsa Bank Negara meningkat lebih AS\$1 bilion kepada hampir AS\$30 bilion.

Pertumbuhan pinjaman, tidak termasuk jualan NPL, sungguhpun lembap, naik 1.1 peratus daripada setahun lalu dan ia adalah satu tanda baik bagi eksport masa depan kerana pinjaman diarahkan terutamanya kepada pengeluaran-pengeluaran, tambahannya.

Goldman Sachs menjangka pertumbuhan pinjaman akan meningkat dalam bulan-bulan mendatang dengan pembelian seterusnya NPL oleh Danaharta Nasional Bhd dan lebih banyak permodalan semulan oleh Danamodal Nasional Bhd.

Katanya gabungan M3 yang kian meningkat dan pertumbuhan pinjaman yang sederhana telah mendorong kadar antara bank tiga bulan kepada kurang 3.5 peratus dan dengan inflasi terus jatuh, Bank Negara berkemungkinan menurunkan kadar campur tangannya daripada 6 peratus kepada 5 peratus.

"Ini akan menurunkan kadar berian pinjaman tetapi akan masih membolehkan bank-bank mendapat tebaran yang menarik. Daripada segi sejarah, kadar antara bank telah diniagakan di dalam 5 hingga 10 mata asas kadar campur tangan Bank Negara, bukan 250 mata asas di bawah kadar sekarang.

"Kadar berian pinjaman lebih rendah akan meningkatkan permintaan untuk kredit dan mengurangkan masalah NPL, dengan itu mengurangkan bekalan dana berlebihan dan membawa kadar antara bank lebih dekat dengan kadar campur tangan," katanya. -- BERNAMA

TCL LPS OS